

AN ANALYSIS OF TEACHING AND LEARNING METHODS OF FIQH MUALAF MODULE IN MALAYSIA

ANALISA KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MODUL FIQH MUALAF DI MALAYSIA

Mohd Afandi Mat Raniⁱ Syaimaa' Asbullahⁱⁱ Mohd Izzat Amsyar Mohd Arifⁱⁱⁱ Faezy Adenan^{iv}
Murihah Abdullah^v Siti Sarah Izham^{vi} & Shahirah Said^{vii}

- ⁱ (*Corresponding author*). Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40000, Shah Alam, Selangor. mohdafandi@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pembantu Penyelidik, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). syaimaasbullah@gmail.com
- ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). izzatamsyar@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). faezyadenan@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. (UPSI). murihah@fsk.upsi.edu.my
- ^{vi} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM). sarahizham@uitm.edu.my
- ^{vii} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang. shahirah4572@uitm.edu.my

Abstract

The teaching and learning of Fiqh among converts is very important and requires a holistic and comprehensive teaching planning. This is because these converts are in the process of building new self-perceptions, values, beliefs and life practices. Therefore, this article aims to analyze the level and content of jurisprudence subject modules implemented in convert educational institutions in Malaysia. In addition, this study focuses on the methods of teaching and learning the subject of jurisprudence that will be utilized by teachers and mentors of converts. This qualitative study was conducted using data collection and data analysis methods. The method of data collection was done through library research. The data obtained were analyzed based on inductive, deductive and comparative methods to obtain the results of the study. This study found that the content of the mualaf fiqh module implemented in this mualaf educational institution has taken into account the aspects of time and objectives of the establishment of their respective institutions as well as the ability of students. The main components in jurisprudence education such as purification of prayer, zakat, fasting, hajj and umah have been included in the respective modules as the basic modules of fardhu ain. The fiqh of ibadah is more focused than the fiqh of muamalat, munakahat and jinayat. Furthermore, from the aspect of teaching and learning methods in the field of fiqh requires a practical approach that can facilitate students to understand and appreciate and then practice the Shari'ah in their lives. It is hoped that this study can help the authorities in strengthening the jurisprudence module, which in turn would produce more competent teachers and mentors of converts and able to provide a precise understanding to the converts in the subject of jurisprudence.

Keywords: *Fiqh, Mualaf, Module, Teaching, Learning.*

Abstrak	<p><i>Pengajaran dan pembelajaran fiqh dalam kalangan Mualaf adalah sangat penting dan memerlukan kepada perancangan pengajaran yang holistik dan komprehensif. Hal ini kerana golongan Mualaf ini dalam proses pembinaan persepsi diri, nilai, kepercayaan dan amalan hidup yang baru. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisa tahap dan kandungan modul subjek fiqh yang dilaksanakan di institusi pendidikan Mualaf di Malaysia. Selain itu, kajian ini memfokuskan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek fiqh yang akan dimanfaatkan oleh para guru dan pembimbing Mualaf. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data. Metode pengumpulan data dilakukan melalui penyelidikan perpustakaan. Data yang diperoleh dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Kajian ini mendapati kandungan modul fiqh Mualaf yang dilaksanakan di institusi pendidikan Mualaf ini telah mengambilkira aspek masa dan objektif penubuhan institusi masing-masing serta kemampuan pelajar. Komponen utama dalam pendidikan fiqh seperti bersuci, solat, zakat, puasa, haji dan umrah telah dimasukkan dalam modul masing-masing sebagai modul asas fardu ain. Fiqh ibadah lebih diberi tumpuan berbanding dengan fiqh muamalat, munakahat dan jinayat. Seterusnya dari aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang fiqh memerlukan kepada pendekatan amali yang dapat memudahkan pelajar memahami dan menghayati seterusnya mengamalkan syariat dalam kehidupan masing-masing. Diharap kajian ini dapat membantu pihak berautoriti dalam memantapkan modul fiqh, seterusnya melahirkan para guru dan pembimbing Mualaf yang lebih kompeten serta memberi kefahaman yang jitu kepada para Mualaf dalam subjek fiqh.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Fiqh, Mualaf, Modul, Pengajaran, Pembelajaran.</i></p>
----------------	--

PENDAHULUAN

Mualaf merupakan golongan yang baru memeluk agama Islam (Kamus Dewan, 2010). Di Malaysia, kebajikan golongan ini berada di bawah tanggungan pihak berautoriti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail, 2018). Antara aspek yang diberikan oleh pihak berautoriti kepada mereka adalah pendidikan dan bimbingan agama, kewangan dan kebajikan, dakwah dan kaunseling serta penyelesaian isu perundangan. Sebagai golongan yang baru memeluk agama Islam, penekanan dan pendedahan kepada agama Islam adalah sangat penting terutama berkaitan syariat dan pelaksanaan ibadat.

Justeru, tahap dan kandungan serta pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bidang pengajian fiqh perlu diberi perhatian yang serius. Bidang ini hendaklah sentiasa ditambahbaik dan diperbaharui dari semasa ke semasa demi memastikan kefahaman dan pengetahuan Mualaf berkaitan agama dapat ditingkatkan mereka dapat menjadi muslim yang sempurna (Faezy Adenan et. al, 2021).

Dalam aspek pendidikan Mualaf di Malaysia, selain pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) juga turut terlibat dalam pengurusan pendidikan Mualaf di Malaysia. Antaranya seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan China Muslim Malaysia (MACMA), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA), Islamic Outreach Angkatan Belia Islam Malaysia (IOA) dan sebagainya. Di samping mempunyai dana sendiri, melalui penubuhan koperasi dan lain-lain, NGO ini turut bergantung kepada agensi kerajaan dalam mendapatkan sumber dana untuk melaksanakan pelbagai aktiviti. MAIN dan JAIN juga telah mengadakan kerjasama dengan NGO sebagaimana yang berlaku di negeri Selangor, Sarawak, Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan telah mewujudkan kerjasama

penyelarasan antara negeri berkenaan dengan MAIN dan JAIN. Badan ini menjadi pusat rujukan NGO khususnya berkaitan modul, kewangan dan sebagainya (Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

Pendidikan kepada golongan mualaf memerlukan kepada satu modul pengajian mualaf yang komprehensif termasuk kaedah pengajaran yang bersesuaian kerana mualaf memerlukan bimbingan asas dan berterusan (Azman Ab Rahman et al 2020). Oleh itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisa tahap dan kandungan modul subjek fiqh yang dilaksanakan di institusi pendidikan Mualaf di Malaysia. Modul pendidikan yang komprehensif dan bersepadu dilihat menjadi satu keperluan bagi membentuk keperibadian dan sahsiah Mualaf.

Selain itu, kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek fiqh yang dilaksanakan di institusi pendidikan Mualaf. Hasil kajian ini akan mencadangkan beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh dimanfaatkan oleh para guru dan pembimbing Mualaf.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan. Reka bentuk kajian berdasarkan kepada analisis dokumen. Limitasi kajian ini difokuskan kepada pendidikan agama bagi subjek fiqh dan kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh para guru dan pembimbing Mualaf. Bahan kajian daripada sumber primer dan sekunder seperti rujukan-rujukan sedia ada sama ada buku, jurnal serta tesis diteliti, dinilai dan dianalisis secara deskriptif bagi melengkapkan metodologi kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Keputusan Pendidikan Fiqh di Kalangan Saudara Baru

Ilmu fiqh ialah lapangan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu muslim (Arief Salleh Bin Rosman & Salmiah Binti Mohd Jupri, 2010). Fiqh yang berasal daripada perkataan arab "fiqh", dari segi bahasa bermaksud pemahaman dan pengetahuan berkaitan sesuatu perkara. Dalam konteks ini fiqh merupakan pengetahuan dan pemahaman berkaitan hukum Islam yang memfokuskan kepada pengetahuan tentang syariat kehidupan muslim dalam menjaga hubungan dengan Allah, manusia dan alam semesta. Aspek pendidikan fiqh merangkumi 4 komponen utama iaitu ibadah (hubungan dengan Allah), muamalat (hubungan dengan masyarakat), munakahat (perkahwinan) dan jenayah. Pembelajaran ilmu fiqh ini memerlukan bimbingan dan praktikal yang berterusan terutama kepada golongan Mualaf bagi memahami hukum amali secara khusus (Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2013).

Ilmu fiqh perlu ditekankan terutama kepada golongan Mualaf kerana ilmu ini merangkumi persoalan tentang syariat Islam. Jika tidak memberi pemahaman yang jelas terhadap ilmu fiqh akah menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam pelaksanaan ibadah kepada Allah SWT. Kajian oleh Sarip bin Adul (2014) mendapati bahawa tahap kefahaman Mualaf terhadap beberapa perkataan yang berkaitan ilmu fiqh masih lagi di tahap yang rendah. Kajian ini mendapati lebih separuh responden tidak faham maksud perkataan 'Hadanah', 'Faraid', 'Ahli Kitab', 'Iddah' dan 'Mughallazah'. Istilah-istilah ini perlu dijelaskan dengan teliti kepada golongan Mualaf supaya mereka dapat memahami konsep pembelajaran serta dapat melaksanakan amal ibadat ke arah kesempurnaan.

Secara keseluruhannya, menurut Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah (2019), mendapati pada tahun 2013, kajian oleh MAIS dan Zulkifli Abdul Hamid kefahaman Mualaf terhadap ajaran Islam adalah berada pada yang agak rendah iaitu 23.6%. Situasi ini menandakan kesukaran kepada mereka untuk menyesuaikan diri mahupun melihat

keindahan Islam sebagai satu agama yang syumul, fleksibel serta mudah. Perkembangan pendidikan Mualaf di Malaysia agak ketinggalan dalam arus perdana pendidikan nasional. Seterusnya, penekanan terhadap konsep ilmu fardu ain dan fardu kifayah yang menjadi asas kepada kurikulum pendidikan Islam (Mukhlis Nugraha, 2017).

Justeru itu, modul fiqh perlu dititik beratkan supaya Mualaf memahami dengan jelas serta mengamalkan penghayatan Islam. Objektif utama Islam adalah untuk menyampaikan dakwah dan syiar Islam kepada Mualaf supaya menjadi seorang insan yang boleh menjadi contoh kepada masyarakat bukan muslim di luar. Namun terdapat kes bahawa terdapat Mualaf yang memeluk agama Islam dalam masa yang agak lama, namun mereka tidak mengetahui perkara asas seperti syahadah, menghafal surah al-fatimah dan masih tidak mendirikan solat.

Pencapaian dan Keberkesanan Pendidikan Mualaf

Mohamad Zaid Mohd Zain (2004) dalam kajiannya menyatakan bahawa kesan pendidikan agama dalam kalangan Mualaf masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Keberkesanan pendidikan agama ini juga dipengaruhi juga oleh metode yang digunakan oleh tenaga pengajar. Mohd Zaid dan Ahmad Asmadi (2010) menyatakan bahawa belum ada garis panduan khusus berkaitan metode pendidikan untuk para tenaga pengajar menyebabkan keberkesanan pengajaran berada pada tahap yang tidak memuaskan. Justeru, pihak berwajib perlu merancang program pendidikan yang lebih sistematik dan juga menyelaras modul pendidikan untuk golongan Mualaf sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka (Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al., 2017).

Selain daripada itu, faktor kaedah pengajaran yang bersifat konvensional pula menyebabkan golongan Mualaf tidak mampu memahami secara mendalam pendidikan agama (Adi Syahid, 2013). Tambahan juga, penyediaan silibus pembelajaran yang tidak komprehensif boleh menimbulkan masalah ketidakfahaman golongan Mualaf terhadap subjek dan mata pelajaran yang dipelajari (Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al., 2017).

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Fiqh

Budi Ichwayudi (2021) dalam kajiannya menyatakan guru atau murobbi memainkan peranan penting dalam menyampaikan pendidikan dan pengajaran berkaitan agama islam khususnya kepada golongan Mualaf. Penyampaian tersebut biasanya dilaksanakan secara fizikal dalam kelas atau melalui pelaksanaan kuliah selepas solat fardu (Isbah, 2020). Selari dengan perkembangan zaman dan teknologi, kaedah pembelajaran perlu divariasikan selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 bagi menghasilkan kelas yang interaktif dan bersesuaian mengikut tahap pengetahuan dan pemahaman Mualaf (Marlon Puntino et al., 2019).

Sebagai contoh, pelaksanaan program Edu-Mualaf di Darul Ukhuwah dapat mengatasi kekangan yang dihadapi oleh para Mualaf dalam proses pembelajaran ilmu asas fardhu ain. Ia berperanan sebagai alternatif bagi Mualaf yang tidak dapat hadir ke kelas mingguan (Fatin Aliah et al., 2019).

Selain itu, penggunaan pendekatan cara pengajaran yang berasaskan kaedah elektronik dan telekomunikasi seperti penggunaan medium pembelajaran atas talian dapat membantu memudahkan pengguna khususnya golongan Mualaf untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mudah (Hasanah Abd Khafidz et al., 2019). Menurut Muhammad Yusuf Marlon Abdullah (2017), yang menyatakan bahawa sistem pendidikan perlu dititik beratkan kepada Mualaf yang mana pihak bertanggungjawab memberi penekanan dalam merangka program pembelajaran Mualaf secara sistematik. Hasil kajian ini juga mencadangkan supaya para guru lebih memberi penekanan kepada pembelajaran secara praktikal yang mana kaedah amali ini lebih mudah difahami oleh golongan Mualaf.

Di samping itu, pengkaji juga mencadangkan supaya diadakan ujian sendiri kepada golongan Mualaf supaya mereka dapat mengetahui kelemahan dan kekurangan diri sendiri secara tidak langsung dapat memperbaiki kelemahan diri. Noraini Mohamad et. al, 2017

menegaskan bahawa dalam berinteraksi dengan Mualaf, psikologi mereka perlu diambil berat dengan teknik laras bahasa yang digunakan sewajarnya lebih mudah dan senang difahami pelajar. Justeru itu, penyelidik mencadangkan supaya tenaga pengajar perlu menguasai beberapa bahasa lain selain daripada bahasa Melayu seperti Cina, India dan Bahasa Inggeris. Berdasarkan pengalaman di PERKIM dan IDIP, metode pembahagian secara kumpulan ketika di kelas, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar meningkatkan tingkat tahap keyakinan seseorang Mualaf.

Di samping itu, kajian terhadap penghayatan ajaran Islam telah dilakukan oleh Zulkefli bin Aini (2019). Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat orang Asli. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penghayatan ajaran Islam dalam kalangan Mualaf orang asli masih rendah. Ini menyebabkan mereka tidak dapat mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Penggunaan buku teks sebagai panduan kepada Mualaf tentang asas fardhu ain iaitu berkaitan tauhid dan fiqh sedikit sebanyak dapat membantu tenaga pengajar bagi proses pembelajaran yang lebih tersusun.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa modul fiqh yang telah dilaksanakan di institusi pendidikan Mualaf di Malaysia. Antaranya ialah modul fiqh Penjara Kajang, Hidayah Centre Foundation, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam, Insititut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) dan Kelas Pengajian Islam PERKIM. Limitasi kajian ini adalah tertumpu kepada tahap dan kandungan modul serta kaedah pelaksanaan.

Modul Fiqh Penjara Kajang

Modul fiqh Penjara Kajang adalah sebahagian modul yang digunakan untuk para banduan yang mukalaf dan juga Mualaf. Kelas bimbingan yang dilaksanakan ini adalah mengikut Kurikulum Pendidikan Islam yang dikeluarkan oleh pihak JPM dengan usaha sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Di penjara Malaysia, tempoh masa kelas bimbingan ini dijalankan selama 6 bulan dengan bantuan tenaga pengajar yang terdiri daripada Penolong Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pembantu Guru Agama dan guru agama dari Jabatan Agama Islam Negeri dan lain-lain organisasi pertubuhan Islam.

Modul ini merupakan kerangka Pelan Pembangunan Insan (PPI) yang berasaskan fasa agar pengurusan pelajar lebih tersusun dan sistematik. Pada peringkat fasa kedua, program pembangunan sahsiah dijalankan yang memberi penekanan kepada pendidikan keagamaan yang dikenali sebagai modul halaqah. Modul fiqh adalah dilaksanakan dalam bentuk praktikal dan secara berkumpulan. Pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk praktikal supaya para pelajar mengetahui dan memahami dengan jelas pelaksanaan ibadat Islam. Para peringkat awal mereka diberi penekanan dengan konsep ibadat asas.

Antara isi kandungan tajuk yang diberi penekanan adalah konsep bersuci, jenis-jenis air, najis dan istinja, konsep wudhu, mandi wajib dan sunat, darah haid, nifas dan istihadah dan tayammun. Seterusnya penekanan bagi konsep rukun Islam. Antara kandungan yang dibincangkan adalah menerangkan 5 rukun Islam, menerangkan Solat waktu, syarat, rukun dan cara pelaksanaan, Sujud Syahwi, Tilawah, Syukur dan sunat Haiah dan Ab'ad. Seterusnya tajuk akhir pelajar mempelajari konsep muamalat bagi menjelaskan pengertian muamalat, kerukunan hidup, saling bantu-membantu, jual beli dan riba.

Modul Fiqh Hidayah Centre Foundation

Pendidikan di HC dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tahap 1 sebagai asas, tahap 2 pertengahan dan tahap 3 adalah pendidikan lanjutan. Tempoh bagi ketiga-tiga tahap ini adalah selama setahun 6 bulan. HC memfokuskan kepada 9 subjek utama sebagai mata pelajaran wajib. Antaranya ialah Aqidah, Ibadah, Perundangan Islam, Akhlak, Muamalah, Seerah / Tamadun Islam, Quran / Hadis, Munakahat, Dakwah dan Perbandingan Agama.

Penekanan pembelajaran fiqh kepada pelajar dilaksanakan bagi mencapai objektif iaitu melahirkan saudara baru yang berpengetahuan sekurang-kurangnya dalam perkara

fardu ain dan ilmu asas Islam. Pada peringkat asas, Mualaf diberi pendedahan berkenaan dengan konsep ibadah yang merangkumi konsep solat dan cara pelaksanaan serta konsep puasa. Seterusnya pada peringkat pertengahan, Mualaf masih lagi diberi penekanan dalam konsep solat yang meliputi bab solat sunat, solat berjemaah yang melibatkan pelajar belajar secara praktikal berkumpul dan akhir sekali membincangkan topik konsep zakat. Pada peringkat lanjutan, modul fiqh berkenaan pengurusan jenazah, korban dan aqiqah serta haji dan umrah dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran dan praktikal.

Modul Fiqh Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam

Modul Fiqh Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam, di bawah Lembaga Zakat Selangor (LZS) dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan. Penghuni Bait Salam perlu mengikuti 14 kelas pengajian bagi setiap minggu selama 17 minggu. Setiap subjek mengambil masa selama satu jam. Terdapat 3 mata pelajaran yang menggunakan kurikulum JPIE iaitu Tauhid, Feqah dan Iqra'. Bagi modul fiqh, pihak pengurusan Baitus Salam menggunakan buku teks Mualaf Selangor sebagai rujukan utama.

Segala pernyataan dalam isi kandungan buku ini adalah bertetapan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan sesuai dengan pendekatan fiqh mazhab Syafie yang menjadi teras pengamalannya di Malaysia. Buku ini diterbitkan oleh pihak MAIS yang mempunyai 2 tahap. Pada tahap pertama fokus utama yang diberikan adalah dari segi konsep ibadah, penyucian dari aspek istinjak, hadas besar, hadas kecil, wuduk, tayammun dan solat fardu. Pengajian fiqh di Baitus Salam adalah berbentuk pengajian di dalam bilik kuliah dan pembelajaran secara praktikal.

Seterusnya, pada tahap 2 tajuk yang difokuskan adalah tentang solat, azan dan iqamah, solat jenazah dan sujud (sahwi, tilawah dan syukur). Isi kandungan tahap dua memfokuskan pada praktikal solat dan pembacaan dalam solat dengan sempurna. Tujuan pelaksanaan ini adalah supaya para Mualaf melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Modul Fiqh Insititut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)

Insititut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) Pengkalan Chepa, Kelantan merupakan salah satu pusat pengajian terkenal yang berperanan dalam mengajar dan mendidik Mualaf. Institusi ini telah berjaya melahirkan ikon-ikon Mualaf yang terkenal. Pihak Institut IDIP menawarkan program pengajian secara formal di peringkat asas dan sijil serta menawarkan program kokurikulum kepada pelajar untuk melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran hidup supaya mereka mampu berdikari apabila keluar daripada institusi ini. Silibus bimbingan fardu ain dilaksanakan kepada Mualaf supaya mereka memahami serta mengetahui ibadah secara praktikal.

Silibus fiqh Mualaf IDIP membincangkan konsep bersuci yang meliputi tajuk hadas besar, hadas kecil, jenis najis dan cara penyuciannya, cara-cara berwuduk dan rukun mandi. Pelajar Mualaf diberi penekanan dalam konsep ibadat solat. Pelaksanaan aktiviti dilakukan secara berkumpul seperti solat berjemaah, ceramah dan praktikal wudhu dilaksanakan supaya mereka mengetahui dan memahami dengan jelas konsep dan praktikalnya.

Di samping itu, pengajian berkaitan zakat dimasukkan dalam modul fiqh supaya mereka dapat memahami konsep zakat, pembahagian dan jenis-jenis zakat. Seterusnya bab puasa, haji dan umrah yang terkandung dalam rukun Islam. Pengajian berkaitan haji dan umrah dilaksanakan berbentuk praktikal oleh tenaga pengajar pakar.

Modul Fiqh Kelas Pengajian Islam PERKIM

Modul Kelas Pengajian Islam PERKIM telah dirangka pada tahun 2015. Modul ini terbahagi kepada 4 tahap pra asas, asas, pertengahan dan lanjutan. Tahap pra asas mengandungi 4 subjek iaitu taharah, solat, syahadah dan akidah selama 3 bulan. Modul pra asas fiqh ini bertujuan untuk membolehkan pelajar Mualaf memahami konsep asas taharah dan asas pelaksanaan solat. Modul asas pula mengandungi komponen tentang konsep fiqh, taharah dan pelaksanaan solat. Para pelajar perlu menamatkan modul ini dalam tempoh 10 bulan.

Manakala tahap pertengahan juga mempunyai jangka masa sama iaitu 10 bulan. Antara kandungan modulnya adalah berkaitan zakat, haji dan munakahat. Bagi modul tahap lanjutan juga mempunyai tempoh masa selama 10 bulan yang mengandungi perkara berkaitan wasiat, wakaf, muamalat dan jinayah.

PERBINCANGAN

Dalam tinjauan kajian terhadap 5 modul di institusi Pendidikan Mualaf ini terdapat 12 perkara yang dimasukkan dalam modul fiqh. Antaranya ialah tentang konsep fiqh/ ibadah, bersuci, solat, zakat, puasa, haji dan umrah, jenazah, munakahat, wasiat dan pusaka, muamalat, jenayah dan korban dan akikah. Hasil dapatan terhadap 5 institusi pendidikan Mualaf di Malaysia mendapati bahawa komponen utama dalam pendidikan fiqh seperti bersuci, solat, zakat, puasa, haji dan umrah telah dimasukkan dalam modul masing-masing kecuali di Penjara Kajang dan IDIP. Perkara berkaitan wasiat dan pusaka tidak didedahkan kepada Mualaf dalam modul fiqh kecuali modul PERKIM sahaja. Modul fiqh muamalat juga tidak semua diajar kepada Mualaf kecuali di PERKIM, HC dan Penjara Kajang, sebagaimana juga dengan fiqh Jenayah. Pengurusan jenazah juga tidak diberi perhatian dalam modul fiqh di semua institusi pendidikan Mualaf kecuali di HC dan Penjara Kajang.

Manakala perkara asas seperti solat, zakat dan haji/umrah telah dimasukkan dalam semua institusi pendidikan Mualaf. Namun ibadah puasa hanya modul fiqh PERKIM sahaja tidak membincangkan tajuk ini. Perkara lain yang dititikberatkan dalam modul fiqh ialah bersuci. Hampir kesemua modul membincangkan tajuk ini kecuali modul Penjara Kajang. Daripada keseluruhan institusi Mualaf, IDIP mempunyai modul yang terhad hanya kepada 4 perkara utama iaitu bersuci, solat, zakat, puasa dan haji/ umrah.

Secara keseluruhannya, modul fiqh Mualaf bagi kelima-lima institusi ini telah mengambilkira aspek tempoh masa dan objektif penubuhan institusi masing-masing serta kemampuan pelajar. Namun aspek utama seperti konsep fiqh/ ibadah, bersuci, solat, zakat, puasa dan haji menjadi bidang keutamaan dalam semua modul. Fiqh ibadah lebih diberi tumpuan berbanding dengan fiqh muamalat, munakahat dan jinayah.

Rajah 1: Taburan Tajuk Modul Fiqh Di Institusi Pendidikan Mualaf Di Malaysia

Institusi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
PERKIM	√	√	√	√		√		√	√	√	√	
Hidayah Center	√	√	√	√	√	√	√	√		√	√	√
Bait Salam	√	√	√	√	√	√						√
IDIP		√	√	√	√	√						
Penjara Kajang			√	√	√	√	√	√		√	√	√

1. Konsep Fiqh/Ibadah, 2. Bersuci, 3. Solat, 4. Zakat, 5. Puasa, 6. Haji & Umrah, 7. Jenazah, 8. Munakahat, 9. Wasiat wakaf, pusaka, 10. Muamalat, 11. Jinayah, 12. Korban & akikah

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Fiqh Mualaf

Jadual 1: Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di institusi pendidikan Mualaf.

Institusi	Kaedah pengajaran dan pembelajaran
Penjara Kajang	Teori pengajian diajar oleh pembantu pengajar yang terdiri daripada Penolong Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam, Pembantu Guru Agama dan guru agama dari Jabatan Agama Islam Negeri dan lain-lain organisasi pertubuhan Islam. Pengajaran dan pembelajaran juga turut diajar secara praktikal dan berkumpulan bagi subjek fiqh

Hidayah Center	Pembahagian kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap. Tahap pertama pendedahan secara teori, seterusnya pada tahap kedua penerapan secara praktikal
Baitus Salam	Pada tahap pertama pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara teori. Manakala pada tahap kedua dilaksanakan secara praktikal.
IDIP	Penerapan secara praktikal dalam beberapa subjek ibadah, fiqh, haji dan umrah.
PERKIM	Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara umum berdasarkan kepada silibus yang telah ditetapkan.

Dalam proses penyampaian di dalam kelas pengajian, tenaga pengajar perlu mempunyai kemahiran berbahasa terutama Bahasa Inggeris. Keperluan kepada tenaga pengajar yang terlatih dan mempraktikkan kaedah P&P. Buku panduan mengajar dalam setiap mata pelajaran perlu dibekalkan kepada para guru. Melalui penyediaan struktur, kepakaran dan sistem latihan yang berkualiti dapat meningkatkan daya kreativiti guru dalam penyampaian mereka.

Masalah bahasa, kaedah dan cara penyampaian adalah halangan utama dalam menyampaikan mesej yang jelas kepada para pelajar Mualaf. Para guru hendaklah diberikan skim latihan secara berkala bagi melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan berkemahiran tinggi termasuk mampu menggunakan teknologi komunikasi terkini dalam penyampaian ilmu. Teknik penyampaian yang menarik, kreatif, mudah difahami dan sampai kepada golongan sasar. Mereka perlu didedahkan dengan kemahiran komunikasi ke tahap profesionalisme yang tinggi. Penekanan kepada kaedah pengajaran terancang dan aspek pemantauan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan tenaga pengajar perlu dititik beratkan (Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, 2020).

Seterusnya, dalam usaha untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran subjek fiqh, tenaga pengajar dan warden pembimbing perlu menghadiri bengkel atau Kursus Latihan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Mereka hendaklah memahami dengan jelas kandungan sesuatu silibus. Aspek yang penting bukan hanya sekadar dari aspek kandungan silibus, malah termasuk juga teknik pengajaran dan pembelajaran termasuk mengetahui latar belakang setiap orang pelajar.

Bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran Mualaf, para guru dan pembimbing hendaklah mengikuti Training of Trainer (TOT) melalui pihak yang pakar terutama dalam metodologi pendidikan dan psikologi (Temubual: Puan Maizura Binti Shamsuddin, 25 Jun 2020). Ini kerana kebanyakan mereka yang menjadi tenaga pengajar adalah terdiri daripada mereka yang telah menamatkan pengajian di Institusi Mualaf dan dalam kalangan muda. Kepakaran yang mereka miliki adalah terbatas dan mereka juga tidak pernah mendapat kursus atau bengkel yang berkaitan dengan garis panduan pengajaran dan pembelajaran Mualaf.

Dari segi pendedahan pelbagai mazhab fiqh kepada pelajar Mualaf adalah kurang sesuai dengan kemampuan pelajar Mualaf yang baru memeluk Islam. Modul yang mengandungi pelbagai rujukan mazhab dilihat boleh menimbulkan kekeliruan dan salahfaham. Oleh itu, penekanan kepada satu mazhab sahaja telah memadai supaya pelajar Mualaf tidak merasa terbeban dengan kepelbagaian pendapat berkaitan hukum-hakam.

Maka penekanan kepada mazhab Syafie sebagai pegangan mazhab tempatan amat sesuai bagi masyarakat awam dan Mualaf. Manakala dari aspek pelaksanaan hukum, adalah dicadangkan supaya mengambil pandangan yang mudah, praktikal dan tidak membebankan untuk menarik minat para Mualaf mempraktikkan amalan agama secara berterusan. Para guru dan tenaga pengajar Mualaf digalakkan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan memperbanyakkan contoh agar pelajar Mualaf mudah memahami persoalan fiqh dan praktikal secara berperingkat.

Modul yang ditawarkan dalam pendidikan Mualaf hendaklah mengambilkira perisian dari segi mental (psikologi) Mualaf yang di peringkat awal menghadapi pelbagai

masalah keluarga, kewangan, ancaman sekeliling agak sukar untuk memahami dan menerima perkara-perkara baru dalam kehidupan mereka. Topik-topik yang dibincangkan dalam pembelajaran mereka tidak menyeluruh dan terlalu detail dalam setiap bab fiqh yang sangat luas untuk dibincangkan secara menyeluruh.

Modul yang persembahkan itu hendaklah dalam bentuk yang menarik dengan memuatkan pelbagai aktiviti agar tidak nampak terlalu akademik, atau modul yang dipelajari di sekolah bagi masyarakat awam atau universiti. Semua ini bagi mengelakkan mereka berasa tertekan dengan silibus dan dapat belajar dengan selesa, yang akan menyebabkan mereka lebih mudah menerima pembelajaran yang seterusnya (Temubual: Prof. Dr. Nuraisyah Chua Abdullah, 25 Jun 2020).

Para guru dan warden pembimbing digalakkan menggunakan pendekatan teknologi visual seiring dengan perkembangan pendidikan terkini seperti video yang menarik minat pelajar. Ini kerana pelajar Mualaf biasanya terdiri daripada pelbagai usia. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan minat di kalangan semua generasi Mualaf untuk mempelajari subjek fiqh. Justeru itu, tenaga pengajar perlu kreatif dalam meningkatkan kualiti pendidikan agar pelajar tidak mudah berasa bosan dengan pengajaran sehala oleh guru.

Pengajaran dan pembelajaran fiqh Mualaf sangat ditekankan aspek yang berbentuk praktikal dan bersifat lebih mesra. Pembelajaran secara dua hala dimana pelajar dapat bertanya secara langsung kepada guru apa jua persoalan dan guru menyantuni (Temubual: Dr. Nur A`Thiroh Masyaa`il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao, 25 Jun 2020). 80% pelajar tidak faham dengan cara penyampaian guru. Aspek bahasa dan kaedah penyampaian serta guru yang tidak mempunyai pengalaman dalam membimbing golongan Mualaf menyebabkan apa yang diajar kepada pelajar Mualaf tidak dapat difahami dan dihayati oleh mereka.

Pendekatan pengajian fiqh Mualaf melalui program mentor mentee juga dapat membantu pelajar dengan membahagikan kumpulan mengikut mentor yang sama bangsa bagi memudahkan mereka berkomunikasi. Apabila mereka menggunakan bahasa yang sama melalui program mentor mentee dakwah komunikasi sesama bangsa dan bahasa membolehkan penyampaian ilmu pengetahuan lebih tepat tanpa sebarang kekeliruan dalam isu penyampaian P&P (Temubual: En. Azwan Bin Shamsuri, Eksekutif Pembangunan Insan LZS. 2 Februari 2020).

PENUTUP

Pendidikan fiqh adalah aspek terpenting dalam pembentukan jati diri Mualaf. Kelemahan terhadap aspek pendidikan ini menyebabkan kehidupan Mualaf keliru dan tersasar serta tidak dapat menjalani aktiviti kehidupan menurut syariat yang benar. Perkara ini akan menyebabkan golongan Mualaf mudah untuk kembali kepada agama asal dan mengamalkan ajaran yang bertentangan dengan agama Islam. Kewibaaan guru pembimbing Mualaf adalah sangat penting dalam usaha melaksanakan tugas mendidik dan memimpin pelajar secara yang lebih berkesan.

Justeru bagi menambahbaik pendidikan fiqh, modul yang sedia ada perlu dinilai semula dan diperbaharui yang melibatkan pakar kurikulum terutama dalam bidang fiqh. Elemen-elemen kontemporari perlu dimuatkan sejajar dengan kepeluan semasa dan isu-isu terkini. Selain itu, Buku teks dan bahan rujukan berkaitan Mualaf di Malaysia yang sangat terhad perlu dipelbagaikan lebih-lebih lagi dalam bahasa ibunda masing-masing yang dilaksanakan oleh guru-guru pakar yang bertaualiah. Dengan kewujudan modul dan bahan rujukan yang komprehensif, dibantu oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sudah pasti para Mualaf dapat memahami, menghayati dan mengamalkan ibadah dengan betul dan memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan harian.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan dengan tajuk "Transformasi Sistem Pendidikan Muallaf Bersepadu Pasca Syahadah di Malaysia"; Kod penyelidikan: 600-RMC/GPK 5/3 (125/2020).

RUJUKAN

- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Asmaa' Mohd Arshad, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Faezy Adenan, Azri Bhari & Siti Afifah Mat Rani. 2020. *Sistem Pendidikan Muallaf Di Malaysia: Analisis Kualiti Dan Keberkesanan*. Dalam Mohd Afandi Mat Rani et.al 2019, "Kumpulan Artikel Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam". Pusat Kajian Strategis BAZNAS (Badan Amil Zakat Nasional) (PUSKAZ BAZNAS): Jakarta Indonesia. ISBN: 978-623-6614-72-3, h. 38-58.
- Muhamad Asmadi Bin Mustakim, Anas bin Ayob, Solekhan bin Raop, Mohd Anwarulhaq bin Sulaiman, Redzuan bin Nahar, Rafiee bin Hashim, Che Mohd Noor Lee bin Abdullah Lee, Ahmad Asmadi Bin Mohamed Razalli & Mohd Azlan bin Ishak. 2016. *Buku Teks Ulum Syariyyah Tauhid Tahap 2*. Penerbit: Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Muhamad Asmadi Bin Mustakim, Anas bin Ayob, Solekhan bin Raop, Mohd Anwarulhaq bin Sulaiman, Redzuan bin Nahar, Rafiee bin Hashim, Che Mohd Noor Lee bin Abdullah Lee, Ahmad Asmadi Bin Mohamed Razalli & Mohd Azlan bin Ishak. 2013. *Buku Teks Ulum Syariyyah Tauhid Tahap 1*. Penerbit: Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Muallaf Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2013. *Keperluan Bimbingan Kepada Golongan Muallaf di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sayed Sabiq. 2011. *Al-Aqa'id al-Islamiyyah*. Terj. Terengganu: Rangkaian Berkat Sdn. Bhd. & Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.

Jurnal

- Adi Syahid Mohd Ali. 2013. *Keberkesanan Pembelajaran Akidah Berasaskan Strategi Inkuiri Terbimbing Terhadap Saudara Baru*. Universiti Malaysia Kelantan: Tesis Sarjana.
- Arief Salleh Rosman & Salmiah Mohd Jupri. 2010. *Kepentingan Mempelajari Dan Menguasai Ilmu Fiqh Menurut Al-Hafiz Al-Khatib Al-Baghdadi Dalam Kitab Al-Faqih Wa Al-Mutafaqqih*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azri Bhari, Asmaa' Mohd Arshad, Mohd Afandi bin Mat Rani, Faezy Adenan, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Siti Afifah bt Mat Rani. 2021. *Modul Pendidikan Muallaf: Analisis Kajian Terhadap Tahap dan Kandungan Subjek Akidah*. Dalam Siti Noorbiah Md Rejab et. al "Amalan Filantropi Islam dalam Memperkasa Ummah". Cetakan 1. Penerbit UiTM Press.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid, & Misnan Jemali. 2017. *Pengajaran Akidah dalam Kalangan Muallaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM*. Jurnal Perspektif, 1(1), 89-100.
- Azman Ab Rahman, Nur Ain Syafiqah Rahmat, Muhd Faiz Abd Shakor, Nurul Shazwani Nordin, & Mohamad Anwar Zakaria. 2020. *Sorotan Literatur Kajian Modul Pengajian Muallaf Di Malaysia*. Diskusi Syariah dan Undang-Undang, Prosiding.
- Budi Ichwayudi, Ahmad Marzuki, & Hasan Sayfullah. 2021. *Konversi Agama Pada Masyarakat Perkotaan (Reshaping Pendidikan Muallaf Di Lembaga Sosial YDSF Kota Surabaya)*. Journal Multicultural of Islamic Education. Vol. 4(2), 1-16.
- Faezy Adenan, Asmaa' Mohd Arshad, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Ariff, Azri Bhari, & Siti Afifah Mat Rani. 2021. *(Muallaf Education Module in Malaysia: Analysis of Level and Content) Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa terhadap Tahap dan Kandungan*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Vol. 22(1), 266-276.
- Hasanah Abd Khafidz, Zulkefli Bin Ain & Nur Nazira Binti Rahim. 2019. *Kerangka Pembelajaran Atas Talian Secara Massive Open Online Course (MOOC) Mengenai Zakat*. Dalam "Memperkasakan Potensi Muallaf Era Kontemporari" (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid & Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.

- Isbah, M. F. 2020. *Pesantren in the Changing Indonesian Context: History and Current Developments*. *Qudus International Journal of Islamic Studies*, 8(1), 65–106. <https://doi.org/10.21043/QIJIS.V8I1.5629>
- Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah & Maimun Aqsha Lubis. 2017. *Tahap Pengetahuan dan Amalan Fardhu Ain Anak-Anak Mualaf Sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman Sarawak*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J), Vol. 1(1) January 2017, 107-123.
- Kamal Azmi Abd Rahman, Mohd Noor Hussin & Rosni Wazir. 2019. *Keberkesanan Pengajian Akidah bagi Mualaf: Analisa Keperluan*. Dalam Adibah Binti Ab Wahab, "Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari". Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ): Akademi Pengajian Islam Kontemporari : UiTM Shah Alam Selangor.
- Mohd Zaid Mohd Zain .2004. *Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.
- Mohd Zaid Mohd Zain & Ahamad Asmadi Sakat. 2010. *Impak Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Kita (Mualaf) di PERKIM Negeri Sembilan*. International on Dakwah and Islamic Management Practice and Prospect, 23 November 2010.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Binti Abd. Majid, Syarul Azman Bin Shaharuddin, Latifah Bibi Musafar Hameed, Hanis Najwa Shaharuddin & Nurfida'iy Salahuddin. 2017. *Penilaian Terhadap Kursus Mualaf di Selangor*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 4 Bil 2 (2017)
- Marlon Puntino Guleng, Ahmad A'to' Mohktar, Mohd Hakim Arshad & Siti Zahidah Mu'al. 2019. *Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Islam dalam Kalangan Saudara Baru Etnik Iban di Sarawak*. Dalam Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari (Suntingan Adibah Abd Wahab. Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Mukhlis Nugraha. 2017. *Konsep Ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah dan Kepentingan Amalannya Dalam Kurikulum Pendidikan Islam*. TAFHIM IKIM Journal of Islam and the Contemporary World, Vol. 10.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Abd Majid, Syarul Azman Shaharuddin, & Latifah Bibi Musafar Hameed. 2017. *Penilaian Terhadap Kursus Mualaf Di Selangor (The Evaluation to the Mualaf Courses in Selangor)*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 4(2), 227–235. http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files7/jsass_vol4bil2_025_yusofmarlon.pdf
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Ain Nathasha Omar. 2017. *Metodologi Pengajaran Mualaf di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP)*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Vol.4(2), h. 215-233.
- Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Nurzahidah Hj Jaapar & Shofiyyah Moidin. 2019. *Peranan Multiracial Reverted Muslim (MRM) dalam Memperkasa Pembangunan Dakwah Mualaf di Malaysia*. Dalam Adibah Binti Abd Wahab, 2019, "Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari", Institut Kajian Zakat Malaysia Malaysia (IKaZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam Selangor.
- Siti Adibah Abu Bakar, & Siti Zubaidah Ismail. 2018. *Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan (The Management of Mualaf in Malaysia: A Dynamic Cooperation between the Government and Non-Government Agencies)*. SAINS ISLAM MALAYSIA Journal of Islamic Social Sciences and Humanities (*Al-Thaqafah Al-Islamiyyah Wa Al-Insaniyyah*), Vol. 16, h.133-155.
- Syarul Azman Shaharuddin, Hanis Najwa Shaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Mustafa Kamal Amat Misra. 2018. *Tahap Kefahaman Akidah dalam Kalangan Mualaf di Negeri Selangor*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol. 5(1).

Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Nur Damia Nor Sad. 2019. *Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Bimbingan Fardu Ain Orang Asli Muslim di Selangor*. International Journal of Law, Government and Communication. Vol. 4 (17), h. 34-47.

Temu Bual

En. Azwan Bin Shamsuri. Eksekutif Pembangunan Insan LZS. 2 Februari 2020.

Prof. Dr. Nuraisyah Chua Abdullah. Pensyarah Fakulti Undang-Undang UiTM Shah Alam Selangor. 25 Jun 2020.

Puan Maizura Binti Shamsuddin. Pegawai Bahagian Muallaf Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). 25 Jun 2020.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.